



**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR  
8 OKTOBER 2023**

---

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU  
DALAM NEGARA**

---

8 Oktober 2023, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 12 tengahari ini menunjukkan 5 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 43 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **19 stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini iaitu di:**

- 1. Batu Muda , W.P. Kuala Lumpur (IPU 115)**
- 2. Cheras , W.P. Kuala Lumpur (IPU 155)**
- 3. Putrajaya , W.P. Putrajaya (IPU 152)**
- 4. Klang, Selangor ( IPU 103)**
- 5. Banting , Selangor (IPU 152)**
- 6. Nilai , Negeri Sembilan ( IPU 162)**
- 7. Seremban , Negeri Sembilan ( IPU 152)**
- 8. Port Dickson , Negeri Sembilan ( IPU 155)**

9. **Alor Gajah , Melaka (IPU 155)**
10. **Bukit Rambai , Melaka (IPU 163)**
11. **Bandaraya Melaka, Melaka (IPU 155)**
12. **Segamat, Johor (IPU 156)**
13. **Batu Pahat , Johor (IPU 163)**
14. **Larkin, Johor (IPU 156)**
15. **Pasir Gudang, Johor (IPU 147)**
16. **Tangkak, Johor (IPU 155)**
17. **Rompin, Pahang (IPU 122)**
18. **Kemaman, Terengganu (IPU 115)**
19. **Paka, Terengganu (IPU 109)**

Kualiti udara dalam negara pada hari ini didapati merosot dengan peningkatan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU yang tidak sihat terutama di kawasan Semenanjung Malaysia. Kemerosotan kualiti udara ini disebabkan oleh terdapat pergerakan asap jerebu memasuki negara. Tiada kebakaran besar dalam negara yang dikesan.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC) yang berpusat di Singapura pada **7 Oktober 2023**, imej satelit **National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20, 188 titik panas (hotspot)** dikesan di Sumatera, **148 titik panas (hotspot)** dikesan di Kalimantan dan **(1) titik panas (hotspot)** dikesan di dalam negara iaitu di Terengganu.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **7 Oktober 2023**

(Rajah 1) menunjukkan terdapat pergerakan asap jerebu yang bertiup ke arah barat daya oleh angin semasa. Keadaan rantau selatan ASEAN mengalami keadaan kering kecuali di bahagian utara Sumatera, Semenanjung Malaysia dan utara Borneo mengalami keadaan hujan. Keadaan kering dijangka berterusan berlaku di bahagian tengah dan selatan Sumatera, selatan Semenanjung Malaysia, Jawa dan Kepulauan Sunda Kecil yang membawa kepada peningkatan titik panas dan asap jerebu dan meningkatkan risiko kejadian jerebu.

**JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.**

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** telah diaktifkan bagi menyelaras tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

**Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

## **PELAN TINDAKAN JEREBU KEBANGSAAN (PTJK)**

JAS melalui Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan **sentiasa memantau kualiti udara dari semasa ke semasa** dan tindakan yang akan diambil adalah selaras dengan PTJK yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan. Antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi adalah:

- (i) NADMA akan mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah/negeri/pusat apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam;
- (ii) **menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah** apabila bacaan **IPU melebihi 100**;
- (iii) **Sekolah, tadika dan taska ditutup serta-merta** apabila **bacaan IPU melebihi 200**. Bagi tujuan ini, pihak sekolah, tadika dan taska dikehendaki sentiasa memantau bacaan IPU. Sekiranya **trend bacaan menunjukkan peningkatan ke arah 200** persediaan perlu dilaksanakan untuk menutup **sekolah, tadika dan taska yang berkenaan**; dan
- (iv) **Operasi Pemberian Awan (OPA)** akan dilakukan **tertakluk kepada kehadiran awan dan cuaca yang sesuai** pada **bacaan IPU melebihi 150** bagi tempoh lebih daripada 24 jam.

Sehubungan itu, JAS bersama Kementerian dan setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu akan sentiasa bertindak dengan lebih cepat dan responsif di atas tindakan-tindakan seperti yang disenaraikan di dalam PTJK.

## **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di ‘Google Play’ .
- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia